



# Cambridge IGCSE™

CANDIDATE  
NAME

CENTRE  
NUMBER

--	--	--	--	--

CANDIDATE  
NUMBER

--	--	--	--



**MALAY**

**0546/23**

Paper 2 Reading

**May/June 2025**

**1 hour**

You must answer on the question paper.

No additional materials are needed.

## INSTRUCTIONS

- Answer **all** questions.
- Use a black or dark blue pen.
- Write your name, centre number and candidate number in the boxes at the top of the page.
- Write your answer to each question in the space provided.
- Do **not** use an erasable pen or correction fluid.
- Do **not** write on any bar codes.
- Dictionaries are **not** allowed.



## INFORMATION

- The total mark for this paper is 45.
- The number of marks for each question or part question is shown in brackets [ ].

This document has **12** pages. Any blank pages are indicated.



1 Lihat gambar-gambar berikut.



Tulis huruf yang betul (**A–F**) di dalam kotak jawapan yang betul.

- (a) Nasir membeli khemah di pasar raya.

[1]

- (b) Kemudian dia mencari lampu suluh.

[1]

- (c) Dia kemas beg tidur.

[1]

- (d) Nasir perlu bawa minuman panas.

[1]

- (e) Dia mesti bawa sedikit makanan.

[1]


[Jumlah: 5]





- 2 Lihat papan-papan tanda ini.

**Di taman haiwan**



Bagi setiap kenyataan, tulis huruf yang betul (**A–H**) dalam kotak.

- (a) Untuk pelawat yang suka melihat aksi hidupan laut.  [1]
- (b) Awas! Binatang ini sangat merbahaya.  [1]
- (c) Haiwan ini boleh terbang.  [1]
- (d) Beli hadiah di sini sebagai kenangan.  [1]
- (e) Keluarga anda boleh makan bekalan di sini.  [1]

[Jumlah: 5]





- 3 Baca e-mel berikut dengan teliti. Tanda (✓) pada jawapan yang betul.

**Hai Leila,**

Mahu ikut saya ke pesta air di kampung nenek saya? Ada pelbagai jenis aktiviti seperti mendayung dan pertandingan memancing.

Ibu akan memandu kita sebab bapa saya kerja pada hari itu. Jadi, kalau awak mahu ikut, kami boleh jemput awak.

Bawa baju persalinan dan tuala sebab kalau awak sertai aktiviti air pasti pakaian akan basah. Jangan lupa bawa alat pancing.

Kalau kita tangkap ikan, kita boleh bawa balik! Kita juga boleh petik mangga dan sayur-sayuran untuk nenek jual di pasar.

Pesta air ini ialah acara tahunan dan saya pasti ramai orang bandar akan pergi. Pesta ini akan dapat perhatian media.

Kami bercadang untuk pergi pada pagi Sabtu, bermalam di sana dan pulang pada waktu petang.

Tanya ibu awak, balas e-mel ini dan kemas pakaian untuk hujung minggu ini!

Jannah

- (a) Aktiviti apakah yang akan berlaku di kampung nenek Jannah?

- |                |                          |
|----------------|--------------------------|
| A sukan air    | <input type="checkbox"/> |
| B lumba lari   | <input type="checkbox"/> |
| C pesta tarian | <input type="checkbox"/> |

[1]

- (b) Siapakah yang akan memandu?

- |                |                          |
|----------------|--------------------------|
| A nenek Jannah | <input type="checkbox"/> |
| B emak Jannah  | <input type="checkbox"/> |
| C bapa Jannah  | <input type="checkbox"/> |

[1]





(c) Jannah cadangkan supaya Leila membawa ...

- A tikar.
- B selipar.
- C baju salin.




[1]

(d) Mereka akan cuba tangkap ...

- A ikan.
- B buah-buahan.
- C sayur-sayuran.




[1]

(e) Pesta di kampung nenek ...

- A diadakan sekali sekala.
- B tidak akan dapat ramai pengunjung.
- C akan diberi liputan akhbar.




[1]

(f) Rancangan Jannah termasuk ...

- A berlepas pada petang Sabtu.
- B tidur di rumah nenek.
- C pulang pada waktu pagi.




[1]

(g) Jannah meminta Leila ...

- A menelefon neneknya.
- B menghantar e-mel kepada bapanya.
- C meminta kebenaran ibunya.




[1]

[Jumlah: 7]

[Turn over]





- 4 Baca e-mel di bawah dan jawab soalan-soalan berikutnya dalam **Bahasa Melayu**.

**Hai Syafiq,**

Awak tahu apa yang berlaku? Saya baru balik dari rumah bapa saudara saya. Seperti yang dirancangkan saya naik bas – perjalanan selama empat jam! Di dalam bas, rupa-rupanya saya tertidur. Saya sudah terlepas destinasi saya!

Boleh tak awak bayangkan perasaan saya pada masa itu? Cemas! Rasa marah juga dengan pemandu sebab tidak kejutkan saya. Mungkin dia laungkan nama perhentian, tapi saya tidur nyenyak!!

Saya cuba menelefon Ibu, tapi bateri mati!!

Saya beritahu pemandu saya mahu turun di perhentian seterusnya.

Semasa saya turun di Gemas, hari sudah gelap seperti akan hujan. Saya haus dan mahu beli air. Sampai saja di gerai air, saya mencari dompet tetapi tak jumpa!!!

Mungkin terjatuh di dalam bas semasa saya tertidur!! Atau dicuri orang!

Ini bermakna, saya tidak ada wang untuk beli tiket pulang, tak ada cara untuk menghubungi ibu bapa saya!

Oleh kerana tak ramai orang, gerai-gerai di situ sudah mula tutup. Saya berasa cemas dan takut bersendirian di situ.

Saya minta bantuan seorang pekedai di situ untuk mengecaskan bateri telefon di dalam keretanya. Nasib baik dia setuju. Bukan itu saja – dia bawa saya ke stesen kereta api dan belikan tiket untuk saya!

Ibu menelefon dan memberitahu bahawa dia tunggu saya di stesen kereta api Kuala Lumpur dan kami makan malam sebelum pulang. Ibu pesan saya supaya jangan tertidur lagi di dalam kereta api.

Saya tahu saya mesti selalu pastikan bateri telefon saya penuh semasa perjalanan jauh dan jangan leka. Ibu berkata, kecuaian sayalah punca masalah yang saya hadapi semasa perjalanan pulang.

Kita jumpa esok!

Jamal





(a) Apakah sebab Jamal terlepas perhentiannya?

..... [1]

(b) Mengapakah Jamal rasa marah terhadap pemandu bas?

..... [1]

(c) Bagaimanakah keadaan cuaca semasa Jamal sampai di Gemas?

..... [1]

(d) Apakah **dua** masalah yang dihadapi oleh Jamal pada masa itu?

1 ..... [1]

2 ..... [1]

(e) Bagaimanakah perasaan Jamal semasa pekedai mula tutup gerai?

..... [1]

(f) Di manakah pekedai menghidupkan semula telefon Jamal?

..... [1]

(g) Apakah lagi yang pekedai buat untuk membantu Jamal?

..... [1]

(h) Apakah yang ibu dan Jamal buat sebelum pulang ke rumah?

..... [1]

(i) Apakah nasihat ibu Jamal kepada dia semasa dia menaiki kereta api untuk pulang?

..... [1]

(j) Apakah yang Jamal mesti pastikan sebelum berangkat ke destinasi jauh?

..... [1]

(k) Menurut ibu, apakah sebab masalah yang dihadapi oleh Jamal semasa perjalanan itu?

..... [1]

[Jumlah: 12]

[Turn over]





- 5 Baca kenyataan-kenyataan (a–e) dan iklan (1–8).

Kelab manakah yang akan dipilih oleh setiap pelajar?

Bagi setiap kenyataan (a–e) tulis nombor yang betul (1–8) di atas garisan.

a	 <p>MARYAM: Saya ingin menyertai sukan berpasukan. Saya percaya persaingan secara ini akan membina semangat saling menolong satu sama lain. Sukan yang saya suka menggunakan tangan untuk menampar bola.</p> <p>.....</p>
b	 <p>CHEN: Saya menyaksikan permainan dua pihak menyepak bola rotan yang menggunakan pelbagai bahagian anggota kecuali tangan. Saya dengar permainan ini dimain dari zaman dahulu kala lagi. Saya sangat berminat!</p> <p>.....</p>
c	 <p>JANE: Saya suka bermain bola berpasukan, tetapi bukan permainan di darat. Oleh sebab saya pandai berenang, sukan ini mestilah di dalam kolam yang besar bersama beberapa orang.</p> <p>.....</p>
d	 <p>RATNA: Saya suka haiwan dan saya gemar sukan atau kegiatan yang melibatkan haiwan. Saya tidak ingin bersaing atau bertanding. Minat saya semata-mata untuk meluangkan masa dengan haiwan kegemaran saya.</p> <p>.....</p>
e	 <p>MALIK: Oleh kerana saya tinggal dekat dengan sungai, saya selalu mendayung perahu dan sampan. Tetapi saya ingin benar untuk belajar mengayuh secara berpasukan dengan baik untuk tujuan berlumba.</p> <p>.....</p>





- 1 *Kelab Mendayung* – Kelab kami menawarkan orang yang sudah berpengalaman untuk menyertai aktiviti mendayung. Kami bertujuan untuk melatih beberapa pasukan pendayung yang lama-kelamaan boleh mengambil bahagian dalam perlumbaan yang sedang dirancangkan untuk tahun depan.
- 2 *Kelab Kuda* – Kelab ini ialah untuk sesiapa yang suka menunggang kuda. Anda akan dilatih untuk berjinak-jinak dengan kuda dan menjaga kuda seperti haiwan peliharaan anda sendiri. Apabila anda sudah bersedia, anda akan diajar untuk menunggang. Kuda-kuda kami bukanlah untuk perlumbaan.
- 3 *Kelab Silat* – Aktiviti ini ialah untuk mereka yang ingin belajar seni mempertahankan diri. Buat masa ini, kelas hanya ditawarkan kepada remaja yang ingin belajar untuk mempertahankan diri mereka. Seni ini diwarisi dari generasi datuk nenek kita yang dikenalkan sehingga sekarang.
- 4 *Kelab Kayak* – Kami alu-alukan sesiapa yang ingin menyertai kelab kami untuk belajar aktiviti air ini dari mula. Buat masa ini kami mempunyai sampan-sampan atau kayak kecil untuk seorang pendayung sahaja. Dan tumpuan kami ialah untuk orang dewasa.
- 5 *Kelab Sepak Takraw* – Sukan tradisi ini boleh dimain oleh dua, tiga atau empat orang dalam satu pasukan. Hampir semua bahagian tubuh dari kepala, kecuali tangan, digunakan untuk menangkis bola yang diperbuat daripada rotan.
- 6 *Kelab Bola Tampar* – Kalau anda ingin permainan yang melibatkan ramai orang, dan suka bersaing, sertailah kelab ini. Permainan bola tampar boleh dimainkan di luar seperti di pantai dan juga di kompleks sukan.
- 7 *Kelab Kuda Polo* – Ada sesiapa yang sudah mempunyai pengalaman menunggang kuda? Anda perlu berlatih setapak lagi untuk menguasai taktik bermain polo sambil menunggang! Permainan berpasukan ini sungguh mencabar dan mengujakan.
- 8 *Kelab Polo Air*: Kalau anda boleh berenang dan suka sukan di dalam air, anda boleh menyertai kelab kami yang sedang membina pasukan polo air untuk sebuah pertandingan seluruh negara pada hujung tahun ini. Jurulatih kami mempunyai banyak pengalaman.

[Jumlah: 5]





- 6 Baca blog di bawah dan jawab soalan-soalan berikutnya dalam **Bahasa Melayu**.

Hai,

Bagi pembaca blog saya yang baharu, saya kini berada di bandar pelabuhan Liverpool, di England. Saya ikut bapa yang melanjutkan pengajiannya di University Liverpool selama empat tahun. Ibu bapa saya berpendapat persekolahan di sini akan membuka lagi minda saya.

Pada mulanya rasa takut, maklumlah persekitaran baharu dan saya baru mula memahami cara orang Liverpool bercakap. Bahasa atau loghat mereka bercakap di sini lain sungguh daripada bahasa Inggeris yang saya belajar. Mengelirukan!

Saya sudah ada kawan baharu, Musa, yang menaiki bas yang sama ke sekolah. Dia gemar sukan bola sepak dan dia seorang penyokong tegar kelab bola sepak Liverpool. Dia berkata dia akan meyakinkan saya untuk menggemari bola sepak seperti dia tetapi saya rasa ini bukanlah sesuatu yang mudah! Bola sepak bukan sukan kegemaran saya.

Liverpool menarik bagi kami sebab ia merupakan pelabuhan di mana ramai kelasi-kelasi Melayu tinggal selepas belayar serata dunia dalam tahun 1950-an. Banyak kisah-kisah yang mengagumkan dan sudahpun dijadikan filem. Di sini juga ramai guru-guru pelatih dari Tanah Melayu datang belajar di Pusat Latihan Guru-guru berdekatan, yang ditubuhkan sebelum negara kita merdeka.

Semasa kami tiba, daun-daun bertukar warna dari hijau ke merah dan jingga. Mujur saya membawa kamera saya, jadi saya tidak akan lupakan pemandangan indah ini.

Sebelum datang ke sini, keluarga bapa saudara saya yang lama tinggal di Amerika, meminjamkan baju-baju dan kot tebal untuk kami guna pada musim sejuk. Tak payah beli lagi.

Saya ingin mempelajari mengenai budaya di sini. Apa yang saya perhatikan setakat ini ialah orang Inggeris sangat pentingkan masa. Kalau kita buat temu janji, kita mesti sampai pada tepat masanya atau awal sedikit.

Dan satu lagi, tabiat beratur dalam barisan sama ada di perhentian bas, di gerai untuk membayar ataupun di tandas awam!

Di sekolah, saya giat dalam persatuan pengucapan awam sebab saya ingin bercakap dengan fasih dalam bahasa Inggeris. Sememangnya kesusasteraan Inggeris ialah mata pelajaran kegemaran saya.

Saya buat senarai tempat-tempat bersejarah di seluruh England yang harus saya lawati seperti muzium-muzium dan kediaman-kediaman tokoh-tokoh sejarah yang saya pernah belajar di sekolah.

Baiklah, kita jumpa lagi!!

Hakim





(a) Mengapakah ibu bapa penulis membawanya untuk bersekolah di Liverpool, England?

..... [1]

(b) Bagaimanakah perasaan penulis apabila dia mendengar percakapan orang tempatan?

..... [1]

(c) Apakah pendapat Hakim tentang bola sepak?

..... [1]

(d) Apakah **dua** pekerjaan yang ada kaitan antara Liverpool dan Malaysia?

1 ..... [1]

2 ..... [2]

(e) Hobi apakah yang dinikmati Hakim setibanya di Liverpool?

..... [1]

(f) Mengapakah penulis serta keluarganya tidak perlu membeli baju sejuk?

..... [1]

(g) Apakah **dua** perkara yang dianggap tidak sopan oleh penduduk tempatan di sana?

1 ..... [1]

2 ..... [2]

(h) Bagaimanakah penglibatan Hakim dalam persatuan pengucapan awam boleh menolongnya?

..... [1]

(i) Mengapakah penulis mahu melawat kediaman tokoh-tokoh bersejarah?

..... [1]

[Jumlah: 11]





**BLANK PAGE**

DO NOT WRITE IN THIS MARGIN

---

Permission to reproduce items where third-party owned material protected by copyright is included has been sought and cleared where possible. Every reasonable effort has been made by the publisher (UCLES) to trace copyright holders, but if any items requiring clearance have unwittingly been included, the publisher will be pleased to make amends at the earliest possible opportunity.

To avoid the issue of disclosure of answer-related information to candidates, all copyright acknowledgements are reproduced online in the Cambridge Assessment International Education Copyright Acknowledgements Booklet. This is produced for each series of examinations and is freely available to download at [www.cambridgeinternational.org](http://www.cambridgeinternational.org) after the live examination series.

Cambridge Assessment International Education is part of Cambridge Assessment. Cambridge Assessment is the brand name of the University of Cambridge Local Examinations Syndicate (UCLES), which is a department of the University of Cambridge.

